

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK JOHN AMBROSE

TARIKH : 13 DISEMBER 2018 (KHAMIS)

SOALAN NO. 66

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jika ada usaha-usaha untuk melihat semula pemberian lesen-lesen 'trans-shipment' kepada syarikat-syarikat sedia ada. Adakah wujud kuasa monopoli di Sabah dan Sarawak jika keadaan masa kini dikekalkan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, tiada sebarang lesen bagi aktiviti ‘trans-shipment’ dikeluarkan oleh mana-mana pelabuhan persekutuan kepada syarikat-syarikat. Sebarang keputusan berkaitan operasi pelabuhan adalah berdasarkan aspek komersial. Sehubungan itu, isu monopoli di Sabah dan Sarawak adalah tidak berkaitan.

Sekian, terima kasih.

